



**KENYATAAN MEDIA
YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SITUASI BEKALAN AIR NEGERI-NEGERI WILAYAH UTARA
SEMENANJUNG**

16 JANUARI 2020

1. Berdasarkan ramalan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia, Negara kini sedang berada pada fasa kedua Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada hujung bulan Mac 2020.
2. Semasa fasa ini, negeri-negeri utara Semenanjung akan mengalami musim panas dengan ketiadaan hujan atau taburan hujan yang rendah dalam tempoh yang lama yang boleh menyebabkan keadaan cuaca yang agak kering. Dari maklumbalas yang diterima daripada semua Operator Air Negeri, cuaca yang panas serta hujan yang berkurangan telah menyebabkan kemerosotan paras di sungai-sungai dan empangan-empangan yang membekalkan sumber air mentah kepada loji-loji rawatan air terutamanya di negeri-negeri wilayah utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.
3. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sentiasa membuat pemantauan berkala ke atas empangan utama melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi memastikan bekalan sumber air mencukupi untuk kegunaan pengguna terutama di musim panas.
4. Namun demikian, KATS ingin memaklumkan bahawa sehingga kini, keadaan paras empangan-empangan bekalan air di negeri-negeri wilayah utara Semenanjung Malaysia **masih dalam keadaan terkawal**.

5. KATS melalui SPAN akan terus memantau rapi paras semua sungai dan empangan yang diguna sebagai sumber air minum dengan kerjasama daripada semua Kerajaan Negeri. Untuk tujuan itu, semua Operator Air Negeri telah diminta untuk melaporkan keadaan bekalan air di negeri masing-masing setiap hari.
6. Sehubungan itu, KATS ingin menasihatkan semua **pengguna bekalan air supaya berhemah dalam menggunakan air semasa musim panas ini**. Elakkan pembaziran dan penggunaan air untuk tujuan yang kurang penting supaya sumber air yang ada akan dapat bertahan lebih lama.
7. Selain itu, KATS juga ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak agar rundingan perjanjian pembelian air dari Sungai Perak, Negeri Perak ke Pulau Pinang dapat segera dimuktamadkan. Ini adalah untuk memastikan kapasiti bekalan air terawat di kawasan sempadan kedua-dua negeri tersebut dapat ditingkatkan seterusnya menjamin bekalan air semasa musim panas dan jangka masa panjang.
8. KATS juga sedang mengenal pasti skim penyaluran air yang bersesuaian antara negeri bagi menjamin bekalan air terawat mencukupi semasa musim panas dan jangka masa panjang.

**YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**